



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS PERASMIAN PERKHIDMATAN BIRO KREDIT DAR TAKAFUL IBB UTAMA, BANDAR SERI BEGAWAN HARI ISNIN, 27 ZULKAEDAH 1435 BERSAMAAN DENGAN 22 SEPTEMBER 2014

---

Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan Majlis Perasmian Perkhidmatan Biro Kredit pada 22 September 2014 bertempat di bangunan Dar Takaful IBB Utama, Bandar Seri Begawan.

Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam. Turut hadir di majlis itu ialah ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD, ketua-ketua Pegawai Eksekutif institusi-institusi kewangan serta tetamu-tetamu khas daripada pelbagai agensi Kerajaan dan swasta.

Yang Mulia Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman, Pengarah Urusan AMBD, dalam kata-kata aluannya menekankan kepentingan perkhidmatan Biro Kredit dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh institusi-institusi kewangan di Negara ini terutamanya dalam memperolehi maklumat-maklumat kredit yang lengkap dan terkini tepat pada masanya. Cabaran tersebut boleh menyebabkan peningkatan risiko kredit dan kos urus niaga. Justeru itu pada September 2012, Biro Kredit telahpun mula beroperasi dengan matlamat untuk mempertingkatkan lagi pengurusan risiko kredit bank-bank dan institusi-institusi kewangan.

"Self-Inquiry Service" yang dilancarkan semasa majlis perasmian tersebut membolehkan para peminjam untuk mendapatkan laporan kredit masing-masing. Tujuan perkhidmatan ini adalah untuk meningkatkan ketulusan, memupuk kesedaran mengenai kredit dan memberi galakkan di kalangan peminjam untuk membina dan mengekalkan reputasi kredit yang baik menuju ke arah budaya kredit yang sihat.

Penubuhan Biro Kredit telahpun diiktiraf oleh The World Bank seperti mana di dalam laporan '*Ease of Doing Business Report 2014*' di mana pencapaian yang diperolehi melalui petunjuk '*Getting Credit*' telah menyumbang dalam peningkatan kedudukan keseluruhan Negara Brunei Darussalam di kedudukan ke-59.

Pelancaran perkhidmatan Biro Kredit kepada orang ramai merupakan satu lagi titik bersejarah ataupun "milestone" Autoriti Monetari Brunei Darussalam bagi merealisasikan matlamat Negara Brunei Darussalam untuk membangunkan infrastruktur kewangan yang kukuh yang mana akan menyumbang ke arah kestabilan kewangan di Negara ini.